

Sinar Harian (Bantong) Isnin 17/12/07 - pg 13

Solid Harmonie jadi kebanggaan UMP

Bermula dengan hanya 20 anggota dan kini jumlah tersebut semakin bertambah dengan 40 anggota berdaftar.

MEMANG koir tidak sepopular konsert pop atau rock, namun persembahan ini mempunyai identitinya tersendiri. Dalam masyarakat tempatan koir hanya diminati oleh golongan tertentu sahaja berbanding negara Barat. Justeru, nama-nama seperti Luciano Pavarotti, The American Boycoir dan Vienna Boys yang sudah dikenali di seluruh dunia kerana gaya persembahan vokal yang klasik agak asing bagi masyarakat Malaysia.

Bagi memastikan kita boleh setanding dengan peminat-peminat seni luar, pendekatan peminat seni juga harus berubah. Perubahan ini tentunya lebih bermakna sekiranya mereka memberi sokongan terhadap persembahan Kumpulan Solid Harmonie yang menjadi kebanggaan warga Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Merujuk Kamus Wikipedia, koir adalah kumpulan penyanyi vokal yang membentuk sebuah ensemble muzik. Nyanyian kumpulan koir kebiasaannya diketuai oleh seorang pemimpin koir atau juga lebih dikenali sebagai konduktor muzik (sama seperti orkestra). Kumpulan-kumpulan koir boleh menyanyi dengan atau tanpa iringan alat-alat muzik. Nyanyian tanpa iringan alat-alat muzik dipanggil sebagai acappella yang diambil dari bahasa Itali yang bermaksud 'nyanyian cara gereja'.

Satu kebanggaan bagi kumpulan koir ini kerana mereka bermula dengan hanya 20 anggota dan kini jumlah tersebut semakin bertambah dengan 40 anggota berdaftar yang diketuai oleh Nurul Hakeem Abd Rahim.

Menurut Nurul Hakeem, pertambahan keahlian menunjukkan kesan positif untuk menarik lebih ramai

mahasiswa untuk menyertai kumpulan tersebut yang sering membuat persembahan di majlis-majlis rasmi universiti.

"Kumpulan koir ini ditubuhkan pada tahun 2006 oleh Mohd Najib Mokhtar selaku ketua koir dan ketika itu Solid Harmonie perlu mengadakan persembahan bagi konvokesyen pertama UMP yang dahulunya dikenali sebagai KUKTEM.

"Disebabkan kekangan masa kumpulan koir ini perlu bekerjasama dengan jurulatih koir UTM Skudai bagi melancarkan persembahan kami sewaktu konvokesyen diadakan," katanya.

Selain membuat persembahan untuk konvokesyen, katanya, kumpulan koir ini juga turut membuat persembahan di hadapan Tengku Mahkota Pahang, pada Majlis Makan Malam di Raja dan Expoconvo 2006.

Dilatih oleh Rabiulawal Anuar yang telah banyak membantu dalam meningkatkan kualiti kumpulan koir dan mengubah lagu untuk persembahan, kumpulan ini turut terlibat dengan beberapa kelab dan persatuan dalam UMP sebagai kumpulan koir jemputan untuk mengadakan persembahan

yang dianjurkan oleh kelab dan persatuan tersebut.

Apa yang membanggakan, mereka juga diberi penghormatan untuk merakamkan lagu rasmi universiti, 'Maju Gemilang UMP'.

"Sebelum ini kami menggunakan lagu KUKTEM tetapi setelah ditukar kepada UMP ini lagu terbaru dan juga rasmi bagi UMP, lagu ini di cipta oleh Herman Taro yang turut membimbing kami dalam bidang koir ini," katanya.

Kumpulan koir Solid Harmonie di bawah naungan Kelab Kebudayaan dan Kesenian UMP merupakan satu dari 8 kumpulan antaranya; koir, gamelan, silat

cekek, drama, orkestra, kompong dan nasyyid.

"Bagi memantapkan lagi persembahan vokal kumpulan koir, kami mengadakan latihan penyebutan vokal, pernafasan dan harmonikan suara sebelum kami memulakan nyanyian. Kami juga akan menyelaraskan nada suara rendah dan tinggi, selain itu kami turut terlibat dengan bengkel daripada kumpulan koir IPT lain seperti UTM dan UKM," kata Nurul Hakeem.

Sewaktu membuat persembahan di Kuantan Parade sempena Expoconvo UMP, Solid Harmonie mempersembahkan beberapa buah lagu seperti Sejahtera Malaysia, Gemilang, Nyalakan Tekad dan Maju Gemilang UMP.

"Harapan kami kumpulan koir ini mampu menarik lebih banyak lagi penyertaan daripada pelajar dan kami juga akan memantapkan lagi persembahan kami supaya kami seiring dengan kumpulan koir profesional. Kami mengimpikan pada masa akan datang, kami dapat terlibat dalam pertandingan koir yang dianjurkan oleh negeri Pahang atau di peringkat IPT kerana dari situ kami dapat melihat sejauh mana pencapaian kami," katanya.



Kumpulan koir ini ditubuhkan pada tahun 2006 oleh Mohd Najib Mokhtar selaku ketua koir dan ketika itu Solid Harmonie perlu mengadakan persembahan bagi konvokesyen pertama UMP yang dahulunya dikenali sebagai KUKTEM."

■ Nurul Hakeem Abd Rahim



Solid Harmonie ketika membuat persembahan sempena konvokesyen 2007 di Dewan Jubli Perak.